


# conference proceeding



Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Organized by:  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



FSPU

## KAJIAN HUBUNGAN DI ANTARA KONSEP AURAT DALAM ISLAM DENGAN REKABENTUK RUANG PEJABAT DI MALAYSIA

Md Azmi Mohamad Sukaimi<sup>a</sup>, Suzana Said<sup>b</sup>, Wan Samsul Zamani Wan Hamdan<sup>c</sup>,  
Muhammad Suhaimi bin Musa<sup>d</sup>

<sup>a,b,c,d</sup> Faculty of Architecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia  
mdaznisukaimi@yahoo.com

### Abstrak

Pengertian ruang dalam senibina muslim adalah refleksi keperibadian muslim kepada individu, masyarakat dan negara. Salah satu kesan refleksi keperibadian muslim yang memberi impak yang amat besar adalah aurat muslim. Ruang kerja pejabat yang bersih, kemas dan teratur mencerminkan keutuhan keperibadian akhlak iaitu adab dan tingkahlaku penghuni terhadap penciptanya. Para pengkaji kesenian Islam telah mendapatka bahan reka bentuk kediaman di awal zaman pemerintahan kerajaan Islam menunjukkan hubungan yang amat rapat di antara unsur-unsur fizikal dan spiritual. Hubungan ini juga bersamaan dengan konsep kejadian manusia yang mempunyai jasad dan roh, yang mana, hubungan kedua-dua unsur ini tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, perancangan reka bentuk ruang senibina bercirikan keislaman perlu berlandaskan keperluan Syariah dengan berpandukan rujukan kitab suci Al-Quran dan Hadis serta Sunnah Nabi Muhammad SAW dan juga pengalaman pereka-pereka bangunan senibina Islam pada zaman kegemilangan pemerintahan Kerajaan Islam. Walau bagaimanapun, tafsiran ruang dalam senibina di negara-negara barat (Eropah dan Amerika) adalah berasaskan akal manusia semata-mata dalam memenuhi keperluan fizikal sebagai intipati rekabentuk (human centered) yang merangkumi aspek fungsional dan estetika, harus disangkal atau ditolak. Ini adalah kerana kebanyakan para pengkaji barat tidak menitik beratkan aspek spiritual yang mendominasi sebahagian besar dalam rekabentuk ruang Islam pada zaman kegemilangan pemerintahan Kerajaan Islam. Akhirnya, senario ini telah memberi kesan dan akibat negatif iaitu rekabentuk ruang kerja pejabat hari ini menjadi amat ringkas, lesu dan tidak bermaya kesan dari kekosongan jiwa kerana pengabaian terhadap elemen spiritual dan ketauhidan ini. Justeru itu, kemungkaran dan kemaksiatan amat mudah berlaku dan berleluasa dalam fizikal ruang bangunan. Rekabentuk Islam yang berasaskan tauhid dan ketuhanan dikatakan hanya diaplikasikan di rumah-rumah ibadat seperti masjid, madrasah dan juga bangunan-bangunan yang beroperasikan keagamaan sahaja seperti bangunan pejabat Jabatan Agama Islam sahaja. Kertas kerja ini akan membincangkan keperluan elemen-elemen rekabentuk ruang kerja pejabat yang berteraskan keislaman dalam memberi impak pembentukan keperibadian Muslim. Elemen rekabentuk seperti ruang-ruang di kawasan kerja pejabat dikupas berdasarkan keperluan syariah Islam. Antara persoalan yang akan dibincangkan ialah isu sensitif persendirian, aurat, kejiranran, tandas, laluan dan kesesuaian yang mempunyai hubungkait dengan pembentukan keperibadian Muslim di dalam sesebuah ruang. Kertas kerja ini di harap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan elemen-elemen rekabentuk ruang pejabat di dalam pembangunan akhlak Islam kepada generasi pada hari ini.

**Kata kunci:** Rekabentuk Pejabat, Ruang Kerja, Aurat, Hijab, Muslim dan Islam.

### 1. Pengenalan

Mendepani krisis akhlak adalah satu cabaran yang besar kepada setiap umat Islam yang bertanggungjawab. Berita tentang keruntuhan akhlak individu muslim dari pelbagai peringkat usia telah sekian lama menjadi kebimbangan yang berterusan. Malangnya gagasan dan wawasan yang dirangka dan dirangkumkan untuk menangani krisis ini seakan kurang membantu mengurangkan wabak maksiat yang melanda. Meskipun Islam telah menyediakan teori pembinaan akhlak dan sosial manusia yang lengkap dan sempurna, namun, ia seringkali terlepas pandang atau tidak diambil berat oleh pengamalnya. Hal ini mungkin disebabkan pelbagai faktor luaran dan dalaman yang membataskan usaha setiap manusia dalam membina akhlak Islamiyah dalam sesebuah organisasi atau institusi atau individu yang memberi kesan kepada menyulitkan proses pemulihan akhlak. Di antara yang menjadi berita tentang keruntuhan akhlak individu Muslim adalah di dalam kawasan pejabat organisasi ataupun swasta.

Rekabentuk ruang kerja pejabat menurut Islam merupakan satu keperluan kepada masyarakat Islam di dalam membantu pembangunan sesebuah organisasi agar menjadi organisasi Islam yang menepati kehendak dan karakter

yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Persoalan yang timbul adakah rekabentuk ruang kerja pejabat yang disediakan pada hari ini menepati kehendak dan keperluan ke arah itu? Dengan kehadiran banyak produk-produk lain seperti di dalam bidang perbankan dan sebagainya, rekabentuk ruang kerja pejabat sewajarnya juga harus menepati keperluan ummah masa kini. Kewajiban menyediakan rekabentuk ruang kerja pejabat yang menepati kehendak syariat Islam yang merangkumi keseluruhan strata hiraki masyarakat Islam. Perbezaan fungsi ruang kerja pejabat tidak membataskan kewajibannya untuk memenuhi keperluan aqidah, syariah dan Akhlak Islamiyah di dalamnya. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengupas keperluan hijab yang memfokuskan kepada permasalahan aurat muslim yang sepatutnya dititikberatkan di dalam rekabentuk ruang kerja pejabat moden pada hari ini yang berkiblatkan acuan Barat. Sehubungan dengan itu, permasalahan aurat dalam kawasan ruang kerja pejabat perlu difahami dan dikaji terlebih dahulu dalam memahami isu ini.

## 2.0 Tafsiran Aurat

Menurut ensiklopedia Muslim, perkataan “Aurat” (Bahasa Arab: عورۃ) merupakan istilah Islam yang melambangkan sesuatu bahagian dari anggota badan, samada lelaki ataupun perempuan, yang haram dibuka atau dipamerkan. Islam sebagai al-Din yang syumul didirikan atas dasar akidah, syariat dan akhlak. Kesempurnaan Islam menjadikan ianya suatu agama yang terbaik dalam mengatur segenap aspek kehidupan manusia, sama ada dari sudut politik, ekonomi, mahupun sosial. Islam memberi keadilan kepada wanita dengan memuliakkannya, tidak sebagaimana zaman jahiliah, dimana wanita dipandang hina dan setiap kelahiran anak perempuan dianggap suatu kehinaan bagi sesebuah keluarga (Afzalur Rahman, 1994: 166). Kemuliaan dan kehormatan wanita dalam Islam dilihat dari aspek pergaulan, perkahwinan dan aurat. Dalam erti kata lain sesuatu anggota badan yang wajib ditutup dan disembunyikan dan haram orang bukan mahram melihatnya. Menutup aurat adalah wajib ke atas setiap orang Islam tidak kira lelaki atau perempuan. Kewajipan menutup aurat ini berdasarkan kepada dalil-dalil yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran.

Menurut Abdul Wahhab bin Abdus Salam Tawilah (2001), aurat bermaksud bahagian badan yang haram didedahkan oleh kaum wanita atau lelaki, atau dalam pengertian yang lain, yang wajib ditutup oleh mereka. Aurat ada sedikit perbezaan dengan aurat wanita samaada dari kalangan sesama jantina, atau berlainan jenis.

## 3.0 Dalil-Dalil Kewajipan Menutup Aurat

Tidak ada khilaf di kalangan ulama bahawa setiap orang Islam samaada lelaki atau wanita wajib menutup aurat dari pandangan orang lain melainkan orang-orang yang dikecualikan oleh Syarak. Dalil kewajipan menutup aurat terdapat di dalam al-Quran dan juga as-Sunnah.

Firman Allah SWT bermaksud:-

*“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kemaluan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan” (30).*  
*“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kemaluan mereka. Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan tudung kepala mereka. Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali kepada suami mereka, bapa mereka, bapa mertua mereka, anak-anak mereka, anak-anak tiri mereka, saudara-saudara mereka, anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, perempuan perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, orang gaji dari orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka. Dan bertaubatlah kepada Allah, wahai orang-orang beriman, supaya kamu berjaya”.*

(an-Nur:31)

Firman Allah SWT bermaksud:-

*“Hai Nabi katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mu’min: ‘Hendaklah mereka melabuhkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka’. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha pengampun lagi Maha penyayang”.*

(al-Ahzab: 59)

Firman Allah SWT :-

Maksudnya: “Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan”.

(al-A’raaf : 26)

Di dalam ayat di atas, Allah memerintahkan wanita Islam supaya memakai Jilbab. Islam memerintahkan kepada setiap manusia khususnya umat Islam agar menutup aurat dengan berpakaian supaya elok dipandang mata dan bagi membezakan manusia dengan haiwan.

#### 4.0 Definasi Hijab

Dalam Al-Qur'an pun disebutkan tentang al-Hijab ini, walaupun satu ayat, tetapi bermakna sangat dalam sekali terhadap definisi al-Hijab itu sendiri, sehingga ayat ini diberi nama dengan “Ayat Hijab”.

*“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah- rumah Nabi kecuali bila kamu diizinkan untuk Makan dengan tidak menunggu-nunggu waktu masak (makanannya), tetapi jika kamu diundang Maka masuklah, dan bila kamu selesai makan, keluarlah kamu tanpa asyik memperpanjang percakapan. Sesungguhnya yang demikian itu akan mengganggu Nabi lalu Nabi malu kepadamu (untuk menyuruh kamu keluar), dan Allah tidak malu (menerangkan) yang benar. Apabila kamu meminta sesuatu (keperluan) kepada mereka (isteri- isteri Nabi), Maka mintalah dari belakang tabir. cara yang demikian itu lebih suci bagi hatimu dan hati mereka. dan tidak boleh kamu menyakiti (hati) Rasulullah dan tidak (pula) mengawini isteri-isterinya selama-lamanya sesudah ia wafat. Sesungguhnya perbuatan itu adalah Amat besar (dosanya) di sisi Allah.”*

(QS.Al Ahzab:53)

Yang dimaksudkan dengan al-Hijab pada ayat di atas adalah tabir pembatas yang menghalangi wanita dari penglihatan orang lain, tetapi bukan sesuatu yang dipakai seperti pakaian, celana ataupun jilbab akan tetapi berbentuk sebuah pemisah seperti tembok.

Merujuk kepada ayat di atas mendapatkan bahawa ketika pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, yang mana terdapat orang asing yang datang kepada isteri baginda untuk bertemu atas suatu urusan, maka Nabi pun mengizinkannya akan tetapi memerintahkan agar isterinya bertemu dibalik tabir.

Meski pun peristiwa tersebut tersebut hanya berlaku untuk isteri-isteri Nabi, namun sebenarnya ia memberi tunjuk ajar yang baik kepada semua ummah, demi menjaga kesucian diri. Malahan pada zaman kini kita dapat saksikan bagaimana para aktivis Islam dalam setiap kegiatan terutama ketika melakukan syuro' (rapat) di sebuah ruangan maka, digunakanlah oleh mereka hijab untuk memisahkan ruang antara laki-laki dan perempuan. Juga dalam kegiatan seminar keislaman, diskusi, pengajian, dan sebagainya yang mana, hal tersebut lazim dilakukan demi menjaga agar tidak terjadi *ikhtilath* (campur baur) antara laki-laki dan perempuan dan yang boleh menimbulkan fitnah.

## 5.0 Definisi Privasi

Musa (2011) dalam kajianya “Prinsip Islam Di Dalam Ruang Kediaman Muslim” 2011 membahagikan privasi kepada dua iaitu privasi pandangan (*visual privacy*) dan privasi akustik (*acoustical privacy*). Susun atur ruang kediaman harus memenuhi kehendak privasi di dalam Islam. Sebarang bukaan pada dinding dan perletakan penghadang perlu memenuhi kehendak dan keperluan privasi wanita yang berada di dalamnya. Beberapa faktor yang mempengaruhi aspek privasi ialah aspek malu, mahram, zina, khawat dan aurat. Aspek aurat adalah adalah aspek yang sering ditekankan di dalam perbincangan berkenaan ruang kediaman. Di dalam Islam, wanita yang ingin melayani tetamu lelaki suaminya wajib berpakaian yang sesuai serta menutup aurat dan mendapat kebenaran suami.

## 6.0 Hubungan Batasan Aurat dengan Rekabentuk Pejabat

### 6.1 Asas Aurat di dalam Rekabentuk Ruang Pejabat

Untuk memahami aplikasi aurat di dalam rekabentuk ruang pejabat, pemahaman entiti yang terlibat dan aktiviti-aktiviti di dalamnya adalah penting. Oleh kerana ruang pejabat membabitkan bentuk hubungan yang formal, kebiasaannya susunatur ruang terikat dengan hiraku ruang yang rigid serta dipengaruhi oleh rekabentuk yang telah ditetapkan oleh ideologi-ideologi pihak barat. Berikut adalah ciri-ciri rekabentuk ruang pejabat yang dipraktikkan di dalam ruang pejabat pada hari ini.

### 6.2 Perhubungan dan Formaliti

Bentuk hubungan secara dasarnya adalah berbentuk formal. Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian ialah:-

- i)Pekerja lelaki
- ii)Pekerja perempuan
- iii)Ketua
- iv)Interaksi di antara pekerja lelaki dan perempuan
- v)Interaksi di antara majikan dan pekerja perempuan atau lelaki

#### 6.2.1 Pekerja

Pekerja wajar dibenarkan untuk mempunyai masa dan ruang peribadi untuk melakukan perkara-perkara yang disukai, keperluan untuk beribadat dan melakukan rutin harian yang lain. Di antara contoh aktiviti pekerja yang memerlukan ruang ialah ruang untuk bersolat, belajar, membaca al-Quran, membuat kerja-kerja peribadi dan sebagainya. Pekerja Islam berhak menuntut hak sebagai seorang Islam. Dengan adanya hak sebagai orang Islam kesan keberkatan insyallah akan dicapai kepada kedua pihak pekerja dan majikan.

#### 6.2.2 Majikan dan Pekerja

Oleh kerana ketua merupakan hiraku tertinggi di dalam ruang pejabat, maka kebiasaanya ketua diletakkan di dalam bilik yang tertutup. Susunatur ruang dipengaruhi oleh taraf ketua yang perlu diasangkan daripada orang bawahannya. Ini amat berbeza dengan apa yang diajar di dalam Islam. Nabi Muhammad S.A.W adalah contoh ketua yang terbaik di dalam hubungan dengan orang bawahannya. Rumah Nabi merupakan ruang pejabat Nabi di mana Rasullullah S.A.W tidak meletakkan hiraku yang perlu di patuhi. Sahabat-sahabat nabi dan sesiapa pun bebas untuk berjumpa Nabi S.A.W pada bila-bila masa.




Figura 1.0- Rumah Nabi (sumber: Talib, 2005)

Bilik ketua yang terbuka samada secara visual atau fizikal yang terbuka (*pembahagi ruang secara separa atau penggunaan bahan yang lut sinar*) memberi aplikasi yang berbeza.

Majikan dan pekerja di negara-negara barat adalah amat berbeza hubungannya dengan majikan dan pekerja Islam. Tidak akan putus tanggungjawab seorang pekerja samada di dalam ruang pejabat ataupun di luar pejabat. Hubungan yang rapat antara keluarga pekerja dan majikan. Tanggungjawab tersebut adalah seperti ziarah- menziarahi, berkasih sayang, berbuat baik dan memelihara hubungan (Yusof Qardawi, 2005). Firman Allah SWT :

*Maka berikanlah kepada kerabat yang terdekat akan haknya, demikian (pula) kepada fakir miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan. Itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang mencari keredhaan Allah; dan mereka itulah orang-orang beruntung.*

(Ar Rum:38)

*"Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya."*

(Al Isra': 26)

### 6.2.3 Tanggungjawab Pekerja Terhadap Majikan

Tanggungjawab pekerja diwajibkan menjaga hubungan mereka dengan Majikan. Maka, untuk menjalankan tanggungjawab ini, keperluan menyediakan ruang yang bersesuaian seperti Ruang menunggu, Ruang bekerja, Ruang laluan, Ruang mesyuarat, Ruang tandas, Ruang pantry, Ruang yang tertutup, Ruang sirkulasi untuk orang kurang upaya (OKU), dan ruang untuk beribadat amat diperlukan.

### 6.2.4 Penambahan Bilangan Pekerja

Antara yang paling mempengaruhi ruang bekerja adalah pertambahan pekerja. Penambahan bilangan pekerja wajar diberi perhatian dan merupakan sebahagian daripada faktor pertambahan ruang yang perlu diambilkira.

### 6.2.5 Hubungan Pekerja-pekerja Lelaki dan Perempuan

Pekerja-pekerja lelaki dan perempuan wajib dipisahkan ruang kerja mereka. Perlu perancangan yang rapi untuk pengasingan ruang supaya organisasi pejabat tersebut terus berjalan lancar. Namun, yang paling utama difikirkan adalah pemahaman tentang aurat yang sebenarnya perlu dititikberatkan. Ini kerana, wujud pekerja yang sudah berkahwin dan ada yang masih bujang. Majikan bertanggungjawab untuk menjaga adab-adab antara sesama mereka. Di antara adab yang wajib diambil semasa di dalam ruang bekerja adalah adab kejiran kerana tanggungjawab muslim untuk menjaga hubungan jiran sekelingnya. Antara amalan yang dituntut oleh Islam ialah memilih jiran yang soleh, menyukai segala kebaikan yang terdapat pada jiran, menjaga hubungan dengan jiran, baik dari ucapan atau perbuatan, berbuat baik pada jiran, bersabar dengan gangguan dari jiran dan menunaikan hak seorang Muslim terhadap muslim yang lain seperti memuliakan tetamu, menziarahi terutamanya apabila jiran menerima musibah, sakit, berlaku kematian, menerima jemputan dan sebagainya.

Dr. Spahic Omer (2010) menyatakan tulisan Titus Burckhardt, sebagai contoh, menulis bahawa halaman dalaman rumah Islam "adalah gambaran syurga; apabila ia mengandungi mata air dan saluran air yang terpancar dan mengalir air untuk pokok-pokok berbunga, ia memberi ingatan penerangan di dalam al-Quran mengenai tempat tinggal yang diberkati". Ianya harus diperhatikan bahawa halaman dalaman dalam senibina dan perancangan kediaman Islam sentiasa ditonjolkan, mungkin lebih daripada mana-mana komponen rumah yang lain. Ini adalah demikian kerana pelbagai fungsi dan manfaat yang halaman domestik yang ditawarkan, seperti memanipulasi keadaan cuaca dan mendapatkan yang terbaik daripada mereka, perlindungan privasi, interaksi berterusan dengan persekitaran dan ruang, hiburan dan rekreasi.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

﴿يَعْلَمُ خَاتَمَ الْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِي الصُّدُورُ﴾

"Dia mengetahui (pandangan) mata yang khianat dan apa yang tersembunyi dalam dada."

(surah Ghafir ,40:19)

Di dalam hadis saih yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

«كُتِبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظُّهُ مِنَ الزَّنَاءِ أَدْرَكَ ذَلِيلَكَ لَا مَحَالَةَ، فَرِنَاهُ الْعَيْنَيْنِ النَّظَرُ، وَزِنَاهُ اللِّسَانُ النُّطُقُ، وَزِنَاهُ الْأَذْنَيْنِ الْاسْمَاعُ، وَزِنَاهُ الْيَدَيْنِ الْبَطْشُ، وَزِنَاهُ الرِّجْلَيْنِ الْخُطْبَى، وَالنَّفْسُ تَمَنَّى وَتَشْتَهِي، وَالْفَرْجُ يُصَدِّقُ ذَلِيلَكَ أَوْ يُكَذِّبُهُ»

Anak Adam mempunyai bahagian zina yang ditetapkan untuknya, dan dia akan melakukan apa yang telah ditetapkan iaitu zina mata sedang mencari bukan mahram; zina lidah bercakap; zina telinga mendengar; zina tangan adalah menarik, dan zina kaki adalah berjalan hasrat jiwa dan keinginan, dan bahagian-bahagian sensitif (sulit). Ia telah direkodkan oleh al-bukhari tanpa rantaian lengkap. Islam mencatatkan laporan yang sama dengan rantaian riwayat yang berbeza. Banyak salaf berkata, "mereka digunakan untuk melarang manusia daripada merenung pada lelaki kacak."

Hadith di atas menggariskan terdapat lima (5) tudung batas yang perlu dijaga dan sekiranya dipedulikan akan menyebabkan zina iaitu dengan melihat, bercakap, mendengar, menarik dan berjalan.

#### a. Pandangan

Firman Allah SWT bermaksud:-

"Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kemaluhan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan".

"Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kemaluhan mereka. Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan tudung kepala mereka. Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali kepada suami mereka, bapa mereka, bapa mertua mereka, anak-anak mereka, anak-anak tiri mereka, saudara-saudara mereka, anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, orang gaji dari orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka. Dan bertaubatlah kepada Allah, wahai orang-orang beriman, supaya kamu berjaya".

(an-Nur 30-31)

Dalam ayat di atas terdapat perintah Allah untuk kaum lelaki dan kaum wanita.

1. Perintah supaya menyekat pandangan. Ia merangkumi dua jenis;

- a) Menyekat pandangan dari melihat aurat orang lain sekalipun sesama sejenis. Melihat kepada aurat adalah haram sekalipun tanpa syahwat.
- b) Menyekat pandangan dari penglihatan yang mendatangkan syahwat. Para ulamak sepakat menyatakan bahawa haram melihat dengan syahwat hatta kepada mahram sendiri walaupun yang dilihat itu bukan aurat (kecuali melihat kepada suami atau isteri).

Kebanyakan ruang pejabat yang direka sama sekali tidak mengambil kira tentang adab sebagai pekerja Muslim walaupun dianggap professional Muslim. Tiada langsung halangan atau pemisah pandangan antara pekerja wanita dengan pekerja lelaki. Malah para pekerja bebas bercampur gaul tanpa batasan. Ruang yang disediakan harus memenuhi keperluan dan kehendak aktiviti-aktiviti pandangan seorang Muslim.

Rekabentuk harus menghormati penggunaan asal elemen-elemen rekabentuk atau komponen-komponen ruang-ruang kerja tersebut kerana dikhawatir akan merubah pemandangan persekitaran dan mengganggu pandangan mata (visual) dan menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan para pekerja.

Hayroman (2002) menyatakan dalam kajiannya lokasi pintu masuk utama merupakan elemen reka bentuk bangunan yang penting kerana pandangan pertama (first impression) nilai-nilai Islam terhadap reka bentuk ruang bermula di sini. Ia merupakan ta'aruf kepada apa yang akan ditempuhi di dalam ruang-ruang seterusnya. Dalam syariat agama Islam, perintah Allah SWT diberi keutamaan, maka bagi lelaki dan wanita ada laluan pintu masuk utama mereka yang tersendiri bagi menjamin kedudukan aurat terpelihara. Aurat, perlu diterjemahkan menerusi suatu acuan yang selari dengan gaya hidup Islam tanpa mengambil kira latarbelakang ilmu isi rumah kerana kealpaan manusia mentafsir dengan betul sering mengundang tabiat yang bertentangan dengan akhlak murni. Di antaranya ialah ruang yang terpisah (tidak membenarkan sebarang aktiviti menerusnya) di antara lelaki dan perempuan bukan mahram sangat-sangat ditekankan. Ini boleh memelihara kerukunan akhlak kedua-dua pihak. Keadaan ini digambarkan menerusi penggunaan ruang.

Ismail dan Lamya' (1992) menyatakan bahawa dalam bangunan-bangunan yang didirikan bukan untuk tujuan beribadat, ruang ceruk adalah sebagai suatu unsur seni bina yang sebenarnya digunakan untuk pelbagai tujuan, iaitu untuk laluan masuk, ruang tidur, makan atau berbual-bual. Di dalam konteks ini, ruang lelaki di bahagian hadapan dan perempuan di bahagian yang satu lagi serta laluan masuk yang berasingan adalah praktikal untuk mengelakkan sebarang aktiviti percampuran bebas bukan mahram. Sebagaimana yang ditegaskan di dalam al Qur'an, surah al-Ahzab, ayat 53 yang menggambarkan tentang adab dan sopan santun dalam rumah tangga.

### **b. Percakapan**

Allah S.W.T. menjadikan manusia amat istimewa dan berbeza dengan makhluk-Nya yang lain. Antara keistimewaan yang paling utama ialah Allah S.W.T. menciptakan akal untuk manusia berfikir dan lidah untuk berbicara. Justeru, lidah menjadi jurubicara menyampaikan apa yang terasa dalam hati dan terlintas dalam fikiran manusia.

Keupayaan berbicara merupakan nikmat Allah yang begitu besar kepada seseorang manusia. Manusia perlu menggunakan lidahnya untuk membicara perkara-perkara yang berfaedah. Antaranya membaca ayat-ayat suci al-Quran, hadith-hadith Rasulullah SAW, pandangan para ulama', intelektual dan sebagainya dan seterusnya menyampaikannya kepada orang lain. Pesanan Rasulullah SAW agar menyampaikan mesej Baginda walaupun dengan satu ayat, merupakan penegasan tentang betapa pentingnya kita perlu berbicara. Ianya merupakan salah satu wasilah paling berkesan untuk menyampaikan mesej dakwah Islam.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:-

'Allah Yang Maha Pemurah, yang telah mengajarkan al-Qur'an. Allah menciptakan manusia, mengajarnya berbicara (menerangkan sesuatu cetusan daripada fikiran dan perasaannya).'

(Surah ar-Rahman : 1-4)

Terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW yang memberi peringatan dan panduan tentang adab dalam percakapan. Antaranya firman Allah S.W.T. yang bermaksud:-

*Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah membuat contoh ucapan yang baik (mengajak berbuat baik, menjauhi perbuatan salah) seperti sebatang pohon yang baik (subur) akar kuat (terjunam ke dalam tanah) dan cabangnya (menjulang tinggi) ke langit. Pohon itu berbuah terus dengan izin Tuhanmu. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Dan bandingan kalimah yang jahat-buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah terbongkar akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.*

(Surah Ibrahim: 24-26)

Allah SWT juga berfirman dengan maksudnya:-

*'Wahai orang yang beriman janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain,(kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah sesetengah kamu menyatakan ke'aiban sesetengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik) maka amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan(ingatlah) sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang yang zalim.'*

(Surah al-Hujurat: 11)

Justeru, nikmat kebolehan berbicara ini wajib dihargai, disyukuri dan digunakan dengan sebaik-baiknya mengikut landasan syarak. Islam menggariskan tatacara terbaik untuk menggunakan lidah yang sentiasa mengungkapkan kalimah-kalimah agar setiap butiran bicara tersebut mendapat keredhaan Allah SWT.

### c. Pendengaran

Arahan jangan melakukan perbuatan untuk menarik perhatian lelaki iaitu menghentakkan kaki untuk memperdengarkan bunyi gelang kaki supaya lelaki yang mendengarnya mengalih perhatian kepadanya.

*Dari Nafi' maula Ibnu Umar radliyallahu'anhu: "Bawwasanya Ibnu Umar radliyallahu'anhu pernah mendengar suara seruling seorang penggembala. Maka beliau (Ibnu Umar) meletakkan kedua jarinya di telinganya lalu mencari jalan lain. Ibnu Umar berkata: 'Wahai Nafi' ! Apakah kamu mendengarkan suara ini?' Maka aku menjawab: 'Ya!' Dan beliau selalu mengatakan demikian, sampai aku mengatakan: 'Saya tidak mendengar lagi!' Lalu Ibnu Umar: 'Saya pernah melihat Rasulullah sallallahu'alaihi wa sallam mendengar seruling penggembala lalu beliau melakukan seperti ini'" (Atsar Shohih, Dikeluarkan Imam Ahmad 4535-4965, dan lain-lain disahihkan Syaikh Ahmad Syakir dan Syaikh Al-Albani dalam Tahrimu Alatu Thorbi hlm. 116)*

Atsar ini menunjukkan betapa besarnya semangat para sahabat radhiyallahu'anhum dalam menjaga pendengaran, diantaranya tidak mendengarkan alunan muzik, serta selalu beruswah kepada Nabi sallallahu'alaihi wa sallam.

Tidak hairanlah atsar ini kadang kala dijadikan dalil tentang bolehnya mendengarkan nyanyian.

Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah rahimahullah berkata dalam Majmu' Fatawa 30/212:

Hadith tersebut – jika sekiranya memang sahih - maka tidak terkecuali dijadikan dalil dibolehkan mendengarkan nyanyian muzik, bahkan larangan tersebut lebih utama disebabkan beberapa perkara:

1. Yang diharamkan adalah “mendengarkan” bukan hanya “sekadar mendengar”. Seseorang jika mendengar kekufuran, ucapan dusta, ghibah, celaan, serta muzik dan nyanyian tanpa adanya niat/maksud untuk mendengarkan - seperti seseorang yang hanya sekadar melewati jalan tersebut lalu mendengar suara nyanyian - maka orang tersebut tidaklah mendapatkan dosa dengan kesepakatan kaum muslimin. Dan jika sekiranya ada seseorang yang berjalan lalu terdengar bacaan al-Qur'an tanpa mendengarkannya terhadap bacaan tersebut maka dia tidak mendapat pahala. Dan dia akan mendapat pahala jika dia mendengarkan dan memperhatikan bacaan tersebut yang ia maksudkan. Nabi sallallahu'alaihi wa sallam dan Ibnu Umar hanya sekadar melewati jalan tersebut tanpa ada niat mendengarkan nyanyian, begitu juga apa yang dilakukan oleh Ibnu Umar dan Nafi'.
2. Nabi SAW menyumbat kedua telinga kerana beliau sangat menjaga pendengarannya supaya tidak mendengar suara nyanyian sama sekali. Jika sekiranya suara tersebut boleh didengarkan, maka Nabi SAW tidak menyumbat telinganya. Hal ini menunjukkan bahwa mendengarkan serta menikmatinya itu lebih terlarang.

#### d. Sentuhan Fizikal

Perkara-perkara sentuhan/fizikal perlu diambil berat termasuklah mengelakkan pertembungan di antara pekerja lelaki dan aurat pekerja wanita dengan cara menyusun semula kedudukan pintu masuk dan kedudukan ruang kerja. Dengan mengadakan suatu halangan untuk mengelakkan terlihat antara pekerja lelaki dan wanita semasa warga pejabat hendak memasuki ruang masing-masing. Tujuannya, disamping menjaga privasi ruang kerja ianya juga dapat mengelak daripada wujudnya fitnah yang tidak disengajakan.

Firman Allah SWT bermaksud:-

*“Tidak ada dosa atas isteri-isteri Nabi (untuk berjumpa tanpa dinding/langsir) dengan bapa-bapa mereka, anak-anak lelaki mereka, saudara lelaki mereka, anak lelaki dari saudara lelaki mereka, saudara lelaki dari saudara mereka yang perempuan, perempuan-perempuan yang beriman dan hamba sahaya yang mereka miliki, dan bertawakkallah kamu (hai isteri-isteri Nabi) kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyaksikan segala sesuatu.”*

(al-Ahzab 22:55)

Justeru itu, langkah pertama kepada terjebak dengan maksiat antaranya ialah pendedahan aurat perempuan.

#### e. Jarak Fizikal /Jarak Masa

Dr. Spahic Omer menyatakan dalam kajiannya (The lessons of Prophet Muhammad (PBUH) in housing) merujuk kepada Hassan Fathy, seperti yang dipetik oleh Gianni Scudo, menyatakan bahawa Islam (Arab) rumah halaman adalah "mikrokosmik menghubungkan, dalam ruang dan masa, tanah dan langit melalui makna simbolik komponen".

Jarak fizikal boleh dibahagikan kepada dua iaitu jarak pandangan dan jarak akustik .Susun atur ruang kerja harus memenuhi kehendak jarak di dalam Islam. Sebarang bukaan pada dinding dan perlentakan penghadang perlu memenuhi kehendak dan keperluan jarak wanita yang berada di dalamnya. Beberapa faktor yang mempengaruhi aspek Jarak Fizikal ialah aspek malu, mahram, zina, khalwat dan aurat. Aspek aurat adalah aspek yang sering ditekankan di dalam perbincangan berkenaan ruang kerja. Dalam Islam, wanita yang ingin melayani tetamu lelaki suaminya wajib berpakaian yang sesuai serta menutup aurat dan mendapat kebenaran suami. Ini berdasarkan kepada hadith oleh Al-Bukhari dan Muslim yang diriwayatkan oleh Sahl ibn Sa'd al-Ansari (Yusof Qardawi,1999).

Sehubungan dengan itu, mari kita teliti dialog baginda Rasulullah SAW dengan raja syaitan sewaktu raja syaitan itu diarah oleh Allah S.W.T. bertemu dan bercakap benar dengan baginda Nabi SAW yang maksudnya;

*“Hai iblis! Siapa pula yang sekutu dan sekedudukan dengan engkau?” Maka sembahnya: “Iaitu apabila bertemu antara lelaki dengan perempuan-perempuan muda, maka hamba duduk pada leher perempuan-perempuan muda itu, hamba hiaskan mukanya dengan jeling dan senyum yang menarik hati di antaranya dan apabila dipandang belakangnya maka terpandang lehernya yang halus dengan pinggang dan punggungnya yang bergerak-gerak yang membangkitkan nafsu baginya dan manakala dipandang hadapannya hamba hiaskan dadanya dengan bergerak-gerak kedua kuntum yang melekap pada dadanya lalu hamba panah berbetulan pada jantung hati keduanya atau salah satu daripadanya hingga bergerak-gerak keinginan nafsu syahwatnya. Bermula orang yang tiada memelihara hatinya nescaya tiadalah terpelihara ia akan farajnya (kemaluannya) dan apabila tiada memelihara akan farajnya nescaya tiadalah ia akan terpelihara imannya.”*

*(Terjemahan Hadis Muttafaq’Alaih)*

Begitu sekali godaan syaitan kepada keturunan Nabi Adam hingga ke hari kiamat.

#### f. Bau

Pelbagai ulamak telah berijtihad dan memutuskan hukum tentang pemakaian bau-bauan oleh wanita. Terdapat beberapa keadaan hukum tentang pemakaian wangian antaranya, sunat, wajib, makruh dan haram. Berbeza pula dengan pemakaian wangian bagi kaum lelaki, hukum pemakaian sunat sepanjang masa kecuali jika terdapat keterangan yang menghukum sebaliknya.

##### i) Waktu Wajib Wanita Memakai Wangian-wangian

Hukum memakai wangian adalah wajib bagi wanita, iaitu ketika suami ada di rumah, khususnya ketika hendak melayan suami di waktu malam, hendaklah mereka terlebih dahulu memakai wangi-wangian dan jika selain daripada tujuan tersebut maka tidak diwajibkan.

*Nabi SAW bersabda maksudnya:-*

*Sebaik-baik wanita (isteri) ialah jika kamu (suami) memandang kepadanya sentiasa menyenangkan hati kamu... (An-Nasa’ie dari Abu Hurairah)*

Maksud menyenangkan hati diertikan di sini ialah dalam semua segi. Dari segi akhlak, wajah dan dirinya sentiasa berhias dan bersolek, sentiasa berbau wangi di rumah dan di hadapan suami, semuanya termasuk perkara yang boleh menyenangkan hati suami. Tetapi untuk keluar rumah, wanita dilarang bahkan haram bersolek dan mengenakan bau-bauan.

Sebagaimana tersebut dalam kitab Muhimma bahawa para wanita wajib berhias dan mengenakan wangian untuk para suami ketika berada di rumah dan ketika hendak keluar rumah.

##### ii) Waktu Sunat Memakai Wangian

- a. Ketika berada di dalam rumah, lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan suami.
- b. Ketika hendak sembahyang dan beribadah di dalam rumah dan bukan di masjid. Kalau hendak ke masjid maka terdapat hadis yang melarang wanita memakai wangian.
- c. Ketika menyambut tetamu wanita, maka sunat memakai wangian kerana jika berkeadaan busuk berkemungkinan boleh menyakiti perasaan tetamu.

Terdapat sabda Nabi SAW yang menjelaskan bahawa wanita juga digalakkan memakai wangian, tetapi tidak di waktu yang di larang.

Sabda Nabi SAW : “ Wangian lelaki ialah yang jelas baunya dan tersembunyi warnanya. Sementara wangian wanita ialah yang jelas warnanya dan tersembunyi baunya.”

### iii) Waktu Makruh Wanita Memakai Wangian

Hukum berwangi-wangian ketika berpuasa adalah makruh. Ini telah disepakati oleh ulamak dan terdapat penjelasan di dalam bab puasa. Kenyataan ini dipegang oleh Imam Syafie dan Qaliyubi bahawa makruh memakai wangian ketika berpuasa.

### iv) Waktu Haram Wanita Memakai Minyak Wangi

Diharamkan bagi wanita memakai wangian iaitu ketika keluar rumah, di hadapan lelaki bukan mahram, bertujuan memikat lelaki dan ketika ke masjid untuk sembahyang berjemaah. Sebagaimana sabda Nabi SAW : “ Seorang wanita apabila memakai bauan, kemudian keluar melalui di hadapan orang ramai dalam suatu majlis yang ada lelaki bukan mahram dengannya, maka wanita tersebut dikira seperti orang yang melakukan zina.”

## 7.0 Aurat Dalam Rekabentuk Ruang Tempat Kerja

Untuk membincangkan tajuk ini, penulis mengamati ruang-ruang kerja pejabat yang terdiri daripada DBKL, Perbadanan Putrajaya, Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Dewan Bandaraya Ipoh (DBI), Arkitek Jururancang Malaysia(AJM) , Malaysian Airline System(MAS) dan Jabatan Kerjaraya (JKR) yang mempunyai karakter senibina dan latarbelakang yang berbeza sebagai kajian kes.

| Situasi         | Pandangan   | Percakapan  | Pendengaran   | Sentuhan atau fizikal                             | Jarak/ masa   | Bau  |
|-----------------|---|---|---|---|---|--|
| Ruang menunggu  | Pakaian sepatutnya menutup aurat tidak diamalkan  | Adab menyambut tetamu tiada dan tiada pengasingan menurut jantina | Suara tiada batasan antara tetamu dan tuan punya ruang  | Tiada lagi perasaan malu antara lelaki dan wanita | Waktu kerja lebih masa tiada batasan percampuran yang membawa fitnah    | Wangian tiada batasan antara lelaki dan terutama wanita            |
| Ruang bekerja   | Saiz ruang, rekabentuk ruang yang tiada batasan pekerja lelaki dan wanita, mempengaruhi | Adab percakapan tiada diamalkan lagi                              | Mengikut setengah ulamak suara wanita adalah aurat maka tidak dibataskan dalam ruang bekerja yang bercampur | Tiada lagi perasaan malu antara lelaki dan wanita | Waktu kerja lebih masa tiada batasan percampuran                        | Wangian tiada batasan antara lelaki dan terutama wanita            |
| Ruang laluan    | Tiada pengasingan dan perancangan antara laluan tiada kawalan pandangan antara aurat    | Tiada batasan antara jantina kerana laluan yang sama              | Tiada privasi dalam komunikasi dimana wanita senantiasa ingin tahu  | Laluan yang satu sahaja dan yang sempit           | Waktu keluar dari ruang kerja masa yang sama dengan bilangan yang ramai | Wangian wanita menjadi perhatian untuk yang terbaik                |
| Ruang mesyuarat | Ahli mesyuarat bercampur tiada batasan antara jantina dan posisi terlalu hampir         | Ruang yang sempit menimbulkan percakapan yang tiada kawalan       | Suara wanita tiada lagi kawalan dan juga bunyi tapak kasut jadi perhatian                                   | Tiada lagi adab atau bab malu antara jantina      | Tiada perasaan Allah 1 <sup>st</sup> bila di ruang ini                  | Antara jantina bergembira dan berlumba siapa yang hebat wangiannya |
| Ruang tandas    | Ruang dikongsi antara jantina tiada   | Berkomunikasi tanpa batasan                                       | Tiada privasi antara jantina  | Terlalu mengikut barat                            | Ruang yang di sediakan  | Pengudaraan yang tiada   |

|                            | pengasingan   |   |  | dan jadi tiada malu antara jantina | sedikit atau kecil menjadi penantian yang menyeksakan      | mencukupi menganggu pengguna ruang         |
|----------------------------|---|---|--|------------------------------------|--|--|
| <b>Ruang pantri</b>        | Ruang yang kecil pandangan tiada kawalan antara jantina | Minum sambil berdiri,tiada ruang untuk duduk minum atau makan sambil bercakap | Tiada benteng pengasingan antara jantina | Percampuran tiada batasan          | Ruang kecil menjadi hilang kawalan pada masa yang tertentu | Bau makanan dan minuman yang tiada kawalan |
| <b>Ruang yang tertutup</b> | Tiada batasan pandangan antara jantina                  | Menimbulkan fitnah antara pekerja   | Menimbulkan fitnah antara pekerja        | Menimbulkan fitnah antara pekerja  | Timbul fitnah antara pekerja mengikut masa yang tertentu   | Bau yang terlalu cepat dan tersimpan       |

Jadual 1: Jadual perbandingan batas-batas aurat pada ruang tempat kerja

## 8.0 Konsep Ruang Pejabat Menurut Islam

Beberapa ciri konsep ruang pejabat yang perlu difahami dan diikuti oleh Muslim bagi menghasilkan ruang kerja di pejabat yang mempunyai ciri-ciri Islam. Berdasarkan Al Qur'an dan Hadith, beberapa ciri-ciri ruang yang perlu diikuti:

### 8.1 Memenuhi Keperluan Ibadah

Ruang yang disediakan harus memenuhi keperluan dan kehendak aktiviti kerja seorang Muslim. Keperluan bukan sahaja tertakluk kepada ibadat, khususnya kerja semata-mata tetapi juga ibadat-ibadat lain seperti belajar, adab dan etika makan, adab di dalam tandas, adab meraikan tetamu, keselesaan dan sebagainya. Ruang-ruang yang disediakan seharusnya berupaya memenuhi keperluan aktiviti-aktiviti ini. Contoh yang terbaik dan praktikal untuk ruang kerja di pejabat sebenarnya terdapat dalam adab di dalam rumah, iaitu, adab tidur, adab tandas, adab makan, adab pakai kasut, adab mata, adab telinga, adab masjid, adab rumah, adab duduk, mengadap qiblat, mulakan dengan kanan, menghormati tetamu, adab menjadi tetamu, larangan percampuran lelaki dan perempuan sebagai adab yang akan mempengaruhi perletakkan ruang. Keperluan untuk beribadat menjadikan penentuan arah Qiblat adalah menjadi suatu keutamaan kerana ianya mempengaruhi orientasi ruang kerja di pejabat, arah pintu masuk, perletakkan ruang bersolat, ruang tandas dan ruang meletakkan mayat apabila berlaku kematian.

### 8.2 Saiz Ruang

Saiz ruang kerja di pejabat perlu merujuk kepada adab-adab dan keperluan ruang. Saiz dan ukuran harus merujuk kepada aktiviti dan keperluan ibadah yang berlaku di dalamnya. Saiz ruang kerja di pejabat moden pada hari ini berpandukan kepada keperluan barat dan mengabaikan keperluan ibadat. Tiada panduan khusus untuk antropometrik dan ergonomik Islam yang boleh dirujuk oleh jurureka dan akitek Islam. Contoh saiz ruang kerja di pejabat dan ruang tamu perlu mengambil kira ruang bersolat, sekurang-kurangnya cukup untuk solat berjemaah.

### 8.3 Susun Atur Ruang

#### 8.3.1 Fleksibel

Faktor privasi di dalam ruang kerja di pejabat moden dari perspektif Islam menyatakan rekabentuk fleksibel adalah antara syarat reka bentuk rumah Muslim. Reka bentuk fleksibel adalah berkaitan dengan susun atur ruang, perabut yang mudah alih dan sebagainya. Contoh saiz ruang kerja di pejabat dan ruang tamu perlu mengambil kira ruang bersolat, sekurang-kurangnya cukup untuk solat berjemaah. Kesan daripada solat berjemaah sepanjang waktu bekerja, keberkatan yang dicari insyallah akan Allah curahkan. Maksudnya perancangan reka bentuk ruang kerja pejabat tidak perlu mengikut acuan dari reka bentuk barat.

### **8.3.2 Jumlah Ruang Yang Memenuhi Keperluan Aktiviti**

Reka bentuk ruang kerja pejabat adalah bergantung terhadap kualiti susun atur ruang dalamannya merangkumi organisasi ruang dan perletakkan ruang bersesuaian dengan fungsi dan keperluan penghuninya. Rupa bentuk bangunan bergantung kepada aktiviti-aktiviti di dalamnya.

### **8.3.3 Privasi**

Privasi boleh dibahagikan kepada dua iaitu privasi pandangan (visual privacy) dan privasi akustik (acoustical privacy). Susun atur ruang-ruang kerja pejabat harus memenuhi kehendak privasi di dalam Islam. Sebarang bukaan pada dinding dan perletakan penghadang perlu memenuhi kehendak dan keperluan privasi wanita yang berada di dalamnya. Beberapa faktor yang mempengaruhi aspek privasi ialah aspek malu, mahram, zina, khawatir dan aurat. Aspek aurat adalah aspek yang sering ditekankan di dalam perbincangan berkaitan ruang-ruang kerja pejabat.

Di dalam Islam, wanita yang ingin melayani tetamu lelaki suaminya wajib berpakaian yang sesuai serta menutup aurat dan mendapat kebenaran suami. Tetapi di pejabat kebanyakannya wanita yang bekerja samada yang bersuami atau yang masih belum bersuami wajib mengetahui batasan untuk meraikan rakan sepejabat ataupun tetamu yang masuk ke ruang pejabat. Kaitan yang paling wajib diketahui ialah ilmu aurat termasuk cara menutup aurat, aurat suara, wangian yang dipakai yang mana membabitkan kaum lelaki juga. Ini berdasarkan kepada hadith Al-Bukhari dan Muslim yang diriwayatkan oleh Sahl ibn Sa'd al-Ansari (Yusof Qardawi, 1999).

### **8.3.4 Menghormati Alam Sekitar**

Pembinaan ruang kerja pejabat Muslim harus menghormati persekitaran di sekililing. Contohnya kedudukan matahari naik dan turun, cahaya, angin dan sebagainya. Contoh bangunan Muslim terbaik yang memenuhi kehendak persekitaran setempat ialah rumah tradisional tempatan. Pembinaannya mengambil kira persekitaran setempat. Konsep menghormati kosmologi ini bertepatan dengan ajaran Islam.

## **Kesimpulan**

Islam sebagai cara hidup (way of life) yang komprehensif mempengaruhi merancang dan merekabentuk ruang senibina. Bukan itu sahaja, Islam juga meletakkan asas yang kukuh dalam keadaan tertentu dalam bentuk undang-undang, untuk mewujudkan apa yang dikenali sebagai fenomena ruang senibina Islam. Al-Quran memberi umat Islam dengan konsep rangka kerja yang komprehensif untuk ruang senibina. Rangka kerja ini telah mula digunakan, menjelaskan dan diperkayakan oleh Nabi Muhammad SAW. Walaupun membangunkan kota Madinah, apabila Baginda SAW dan penghijrahan pengikut-pengikutnya (hijrah) dari Makkah, Rasulullah SAW, di bawah naungan wahyu, disediakan pelajaran di dalam senibina Islam kepada orang ramai. Sejak Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul terakhir Allah SWT kepada manusia, pelajaran itu hendaklah dipegang oleh umat Islam selama-lamanya. Dalam alam senibina, Islam juga, mengajar, belajar dan menyebarkan mesej Islam. Ruang kerja pejabat di organisasi Muslim yang terbentuk berlandaskan Shariah adalah suatu kewajiban kepada semua pihak yang terbabit. Model senibina Islam yang ideal mampu di hasilkan jika jurureka, aitek, pentadbir memahami prinsip asas Islam yang perlu ada di dalam senibina Islam. Aplikasi prinsip-prinsip Islam ini telah terbukti mampu melahirkan para pekerja yang menepati keperibadian Muslim. Ruang kerja pejabat Muslim yang menjadikan shariah sebagai aturan rekabentuknya. Kehadiran roh Islam dan elemen spiritual di dalam Islam mampu memberi tenaga kepada keseluruhan ruang kerja pejabat. Maka kesimpulannya, rekabentuk ruang kerja pejabat muslim ternyata berbeza dari ruang kerja pejabat masakini yang menurut acuan barat yang gagal memenuhi keperluan muslim. Ruang kerja dalam senibina Islam adalah gabungan sistem kepercayaan, ajaran dan nilai-nilai Islam, dalam satu tangan, dan prasyarat dan pengaruh budaya pribumi, iklim, topografi, bahan binaan, bakat, teknologi dan ekonomi, di pihak yang lain.

## Rujukan

- Iqbal AKM Sacranie OBE, Secretary General, The Muslim Council of Britain Safar 1426 March 2005, "Muslims in the Workplace A Good Practice Guide for Employers and Employee."
- Mortada, H. (2003). *Traditional Islamic Principles of Built Environment*. New York: RoutledgeCurzon.
- O'Meara, S. (2007). *Space and Muslim Urban Life At The Limits of the Labyrinth of Fez*. New York: Routledge.
- Omer, S. (2010). *Islam & Housing*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Petersen, A. (2002). *Dictionary of Islamic architecture*. New York: Routledge.
- Akbar, J. A. (1981). *Responsibility and The Traditional Muslim Built Environment*. Massachusetts Institute of Technology, Department of Architecture, Massachusetts.
- Afzalur-ur-Rahman Muhammad:ensiklopedia sirah. Jilid II, Source: al-Muslimah, BIL 228, SAFAR – RABIUL AWAL 1432 <http://www.islamituindah.my/trend-buka-tutup-jilbab>
- Ukhti Imdana Amalia. <http://www.islamituindah.my/trend-buka-tutup-jilbabAL-QURAN>
- Kitab Muhammam & Al-Mawa'izd Al-Badi'ah BAHAGIAN PERTAMA: Kitab Muhammam Aurat Mahkota Wanita - Penulis- Rusydi Ramli Al-Jauhari & Haliza Hj. Aris,Penerbit Must Read Sdn Bhd
- Batas-Batas Aurat & Pergaulan Serta Hukum Persolekan Dalam Islam /Penulis - Ustaz Jaafar Salleh/Penerbit - Pustaka Azhar
- Mengapa Aurat Haram Didedah - Satu Realiti Masa Kini /Penulis - Dr. Rokiah Ahmad/Penerbit - Pustaka Haji Abdul Majid.
- Dato' Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah dan Syaidatun Nazirah Abu Zahrin (2005), Psikologi Cinta. cet-ke-3, Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ghafani Awang Teh, (1997), Kenakalan Remaja Dari Perspektif Islam, Kuala Lumpur, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Hasnah Bt. Ghani dan P.M Dr. Mat Saad Abd. Rahman (1995), Jenayah Remaja; Permasalahan dan Penyelesaian. Cetakan pertama, Shah Alam: Penerbit HIZBI.
- Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi (2000), Ciri-ciri Masyarakat Islam yang Kita Idamkan, terj. Ustaz Mohammad Zaini Yahaya, Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Tanbihul Ghafilin (Peringatan bagi yang lupa)<http://rockbebeh.blogspot.com/2007/09/rakus-dan-panjang-angan-angan.html>
- Ustaz azhar idrus - (soalan) aurat perempuan muslim/<http://www.youtube.com>
- Hayroman Ahmad, Hasbullah Abd Rahman, Mohd. Sabrizaa Abd. Rashid (2002). Konsep Pembinaan Ruang Dalaman dari Perspektif Keharmonian Akhlak. EPISTEME-The Academic Jurnal of UiTM Perak, Malaysia. Volume 2, Number 1, Jun 2002 .UfoRIA. UiTM Perak
- Al-Albisah Wa az-Zinah, Abdul Wahhab bin Abdus Salam Tawilah, hlm. 14
- Afzalur Rahman (1994), Ensiklopedia Sirah Jilid V, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.